

28 NOV 2002

MAHATHIR-INOKOM/I

DR MAHATHIR PADA PENSIJILAN BAGI PENGELUARAN BESAR-BESARAN INOKOM

PUTRAJAYA, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyaksikan upacara menandatangani pensijilan bagi pengeluaran besar-besaran kenderaan pelbagai fungsi (MFV), Inokom Atos, di sini.

Inokom Atos merupakan kerjasama antara Industri Otomotif Komersial (M) Sdn Bhd (Inokom) dan Hyundai Motors Company, Korea, melalui satu perjanjian lesen teknikal (TLA) yang ditandatangani antara kedua-dua pihak terdahulu tahun ini.

TLA ini adalah asas bagi pemindahan teknologi dan membolehkan Inokom memasang MFV berkenaan dengan bahagian-bahagian bekalan dari HMC, kata Inokom dalam satu kenyataan yang diedarkan pada upacara tersebut.

Setelah menilai kemudahan, proses kerja, kawalan mutu dan sistem pengurusan Inokom, HMC telah memberi kelulusan bagi pengeluaran besar-besaran Inokom Atos yang dimaju berasaskan model Hyundai Atos.

Pada upacara menandatangani pensijilan itu, Inokom telah diwakili oleh pengerusinya, Amer Hamzah Ahmed, manakala HMC diwakili oleh naib pengerusinya, Park Pyung Jae.

Inokom adalah usahasama antara Berjaya Group Bhd (35 peratus), Persumal (M) Sdn Bhd (30 peratus), HMC (15 peratus), Renault SA (15 peratus), Hyumal Motors Sdn Bhd (5.0 peratus).

Pada masa ini, Inokom adalah pembuat trak dan van komersial ringan nasional serta pemegang kontrak bagi pemasangan kenderaan-kenderaan lain di kilang seluas 200 ekar di Kulim.

Inokom Atos akan menjadi MFV pertama dibuat di kilang tersebut dan dijangka dikeluarkan Disember ini.

Di Malaysia, kereta tersebut akan diedarkan hanya oleh Hyundai-Berjaya Sdn Bhd yang juga mengedarkan kereta-kereta Hyundai lain di Malaysia.

Hyumal Motor Sdn Bhd, sebuah syarikat sekutu Kumpulan Berjaya, adalah pemegang francais kereta penumpang dan kenderaan komersial ringan Hyundai di Malaysia.

Terdahulu, Dr Mahathir menghadiri mesyuarat tertutup dengan wakil-wakil HMC, Inokom dan Hyundai-Berjaya.

Menurut kenyataan itu, beliau juga meluangkan beberapa minit untuk melihat ciri-ciri dan alat-alat yang dipasang pada kenderaan itu.

Walaupun dimensi luarannya kelihatan padat, namun Inokom Atos yang berkeupayaan satu liter, boleh diubahsuai bagi memuatkan lima orang dewasa dengan selesa manakala ruang dalamnya luas dan praktikal, menjadikan pengalaman memandunya menyeronokkan.

MFV ini akan dijual pada harga yang amat termampu dan juga boleh digunakan sebagai van mini untuk tujuan komersial, kata Inokom.

Inokom akan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran yang muncul daripada pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) selain mempertingkatkan kekuatan industri automotif Malaysia dalam pengeluaran kenderaan berkualiti dengan harga yang berdaya saing.

Turut hadir pada upacara tersebut ialah pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Kumpulan Berjaya, Tan Sri Vincent Tan. -- BERNAMA

AKT MR KY AA